



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)

PERMOHONAN PROGRAM REZEKI TERNAKAN RUMINAN BAGI TAHUN 2026

Program Rezeki Ternakan Ruminan dibangunkan bertujuan membantu penternak kecil mengekalkan sumbangan mereka dalam bidang penternakan disamping mensasarkan peningkatan pendapatan kasar. Skop bantuan adalah dalam bentuk bantuan induk ternakan ruminan (lembu, kambing, bebiri & kambing tenusu) secara geran penuh dan bantuan input penternakan, peralatan dan pembaikan kandang/ reban, secara one off tertakluk kepada kelulusan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Permohonan terbuka kepada semua penternak kecil ruminan yang mempunyai kriteria seperti berikut:

Pemohon hendaklah:

1. Berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS);
2. Penternak kecil atau di dalam golongan isi rumah berpendapatan rendah;
3. Penternak harus mempunyai sekurang-kurangnya:
 - a. Lembu/kerbau Pedaging- 4 ekor induk
 - b. Kambing Pedaging /Bebiri/ Kambing Tenusu- 7 ekor induk
4. Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 55 tahun pada 1 Januari tahun permohonan.
5. Mempunyai pengalaman menternak ternakan ruminan sekurang-kurangnya satu tahun bagi jenis ternakan yang dipohon;
6. Mempunyai kawasan menternak yang sah dan kemudahan yang sesuai;
7. Mempunyai surat pemilikan tanah / surat kebenaran menternak / surat perjanjian yang sah;
8. Keluasan kawasan menternak yang mencukupi dan mempunyai sumber makanan;
9. Berupaya untuk melaksana dan mengurus projek;
10. Bersetuju untuk dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sepanjang tempoh pelaksanaan projek;
11. Terlibat dengan program kesihatan ternakan DVS Negeri;
12. Bersedia menandatangani perjanjian bersama Kerajaan bagi menjalankan projek penternakan di bawah program ini.

Pemohonan boleh dibuat menggunakan borang permohonan Program Rezeki Ternakan Ruminan yang disertakan dibawah. Permohonan ini dibuka **5 Disember 2025 sehingga 5 Januari 2026**. Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah/ Pusat Operasi VetEC berhampiran.

Maklumat Lanjut Sila Hubungi:
03-88702406 / 03-88702424
www.dvs.gov.my